

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK LINDA TSEN THAU LIN [BATU SAPI]
TARIKH : 12.6.2014
SOALAN :

Datuk Linda Tsen Thau Lin [Batu Sapi] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bagaimana untuk meningkatkan prestasi murid-murid di dalam mata pelajaran matematik, sains dan kebolehan membaca kerana di dalam ujian PISA menunjukkan murid-murid di negara ini mendapat skor yang sangat rendah iaitu di kedudukan ke-52 daripada 65 buah negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Programme for International Student Assessment (PISA) merupakan salah satu kayu pengukur peringkat antarabangsa yang mengukur kebolehan murid memperoleh pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan, terutamanya dalam matematik, sains dan bacaan.

Bagi meningkatkan prestasi murid-murid dalam mata pelajaran Matematik dan Sains serta kebolehan membaca, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sedang dan akan menjalankan pelbagai inisiatif jangka pendek dan jangka panjang. Antaranya ialah :

- a) Kurikulum mata pelajaran Sains dan Matematik dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) yang akan dilaksanakan mulai 2017 memberi lebih perhatian kepada penguasaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT).